



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **TEKS UCAPAN ALUAN**

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

### **SEMPENA**

**MAJLIS APRESIASI ULANG TAHUN KE-75  
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

### **TARIKH/ MASA/ TEMPAT**

**11 APRIL 2021 (AHAD) / 8.25 MALAM / PICC**

Bismillahirrahmanirahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia Prihatin

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

(A) PENDAHULUAN

(1) YAB Tan Sri dan sidang hadirin sekalian,  
Sebelum saya memulakan bicara, izinkan saya menarik perhatian YAB Tan Sri dan sidang hadirin kepada paparan video yang akan dimainkan.

(VIDEO 1 : DURASI 2 MINIT 38 SAAT)  
NOTA: VIDEO PUAN FARAH AKAN DIMAINKAN

(2) Para tetamu yang saya muliakan,  
Saya bawakan kepada anda, paparan video Puan Farah sebentar tadi, **bukan untuk meratap juraian air mata kesusahan beliau**, namun, apa yang saya cuba menarik perhatian kita semua, adalah pada **titis-titis air mata apresiasi**

**yang dizahirkan oleh seorang rakyat,** yang amat menghargai keprihatinan sebuah kerajaan yang sentiasa mendengar denyutan nadi rakyatnya.

(3) **Semestinya, keprihatinan kerajaan ini diterjemahkan melalui komitmen Hero dan Heroin Jaket Oren, Jabatan Kebajikan Masyarakat, yang bekerja tanpa mengenal siang malamnya, tanpa merungut jerih payahnya, dan tanpa memilih siapa kumpulan sasar yang disantuninya. Semangat ini terus diwarisi dari generasi ke generasi sehingga ke hari ini, 75 tahun usianya.**

(4) Maka malam ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat membawakan kepada anda, Malam Apresiasi Ulang Tahun ke-75, Jabatan Kebajikan Masyarakat.

**(B) KATA-KATA ALUAN**

(5) Alhamdulillah, setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya, hasrat saya untuk mengadakan **Malam Apresiasi Ulang Tahun Ke-75 Jabatan Kebajikan Masyarakat pada malam ini menjadi satu kenyataan.**

(6) Semestinya, sambutan ini menjadi lebih bermakna dengan kehadiran **YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin,** yang kita kasihi. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya zahirkan kepada **YAB Tan Sri** atas kesudian untuk menyampaikan amanat sempena **Malam Apresiasi Ulang Tahun Ke-75 JKM** dan seterusnya menyempurnakan pelancaran **Kembara Prihatin Negara Peringkat**

**Kebangsaan** pada malam ini. Terima kasih YAB Tan Sri. Sesungguhnya rasa terharu kami menerima kehadiran YAB Tan Sri pada malam ini dapatlah diungkapkan menerusi pantun berikut:

**Dari Pagoh Pergi Ke Sepang,  
Sarat Muatan Membawa Buluh;  
Tan Sri Umpama Pohon Yang Rendang,  
Tempat Kami Menumpang Teduh.**

(7) Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan **mengalu-alukan kehadiran semua tetamu** khususnya **warga kerja JKM, agensi-agensi Kerajaan, Syarikat-syarikat korporat, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Ahli Akademik, orang perseorangan** dan semua yang sentiasa memberikan sokongan padu kepada JKM sama ada **yang berada dalam dewan ini mahupun yang mengikuti secara maya.**

**(C) HERO JAKET OREN**

(8) Kepada seluruh warga kerja JKM atau lebih mesra dengan panggilan **“Hero Jaket Oren” SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN KE-75.**

(9) Walaupun pelbagai dugaan datang melanda sepanjang tahun 2020, apatah lagi perlu **menguruskan misi kemanusiaan dan kebajikan semasa**

pandemik COVID-19 ini, warga JKM terus bersemangat menunjukkan sikap positif dan daya ketahanan yang cukup kental serta membanggakan.

(10) Sepanjang 75 tahun penubuhan JKM, pelbagai pahit getir yang telah dilalui oleh seluruh warganya. Saya percaya pahit getir itulah yang telah melestarikan keberadaan JKM sehingga saat ini. Dari organisasi kecil yang ditubuhkan pada tahun 1946 yang hanya berfungsi menyantuni mangsa perang dunia kedua pada masa itu, kini muncul menjadi sebuah organisasi yang sangat penting pada masa ini terutama semasa Negara berhadapan dengan pandemik COVID-19.



(11) Pada malam ini juga, buat **julung-julung kalinya** Anugerah Hero dan Heroin Jaket Oren diperkenalkan dan akan dianugerahkan kepada **dua (2) orang warga kerja JKM yang terpilih.**

(12) Anugerah ini adalah satu pengiktirafan atas **sumbangan bakti, keberanian dan kegentingan dalam melaksanakan tugas-tugas menyantuni masyarakat terutama dalam menghadapi pandemik COVID-19, bencana dan keupayaan mengembalikan kefungsi sosial kepada mereka yang memerlukan.**

(13) Saya percaya bahawa semua warga JKM adalah Hero dan Heroin yang besar sumbangannya, **sesungguhnya keberadaan anda sebagai Hero dan Heroin Jaket Oren sentiasa dekat di hati Kerajaan.**

## (D) INISIATIF JKM

(14) Alhamdulillah, sepanjang saya menerajui Kementerian ini, bermula pada 10 Mac 2020 yang lalu, pelbagai inisiatif telah diusahakan dalam memastikan kewujudan JKM di Negara ini terus relevan. Izinkan saya untuk berkongsi inisiatif-inisiatif yang saya dan pasukan saya sedang perjuangkan.

- (i) Pertama: Penstrukturan semula JKM. Peranan, tugas dan tanggungjawab JKM sangatlah luas meliputi pelbagai kumpulan sasaran dan seluruh rakyat Malaysia. Dengan bilangan warga kerja yang sangat terbatas iaitu hanya 7077 orang sahaja, adalah suatu kekangan bagi warga kerja JKM untuk menyampaikan perkhidmatan

yang berkualiti kepada mereka yang memerlukan. Justeru saya telah mencadangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam agar JKM distrukturkan semula supaya JKM lebih tersusun dan dapat memberikan penyampaian perkhidmatan yang lebih luas. Saya juga berharap agar pertimbangan sewajarnya diberikan ke atas cadangan ini yang melibatkan pertambahan perjawatan fasa pertama sebanyak 2,525 orang.

- (ii) Kedua: Permohonan Elaun Khas kepada warga kerja JKM. Menyedari akan bidang tugas pegawai JKM yang berisiko tinggi terutama yang bertugas di institusi dan juga lapangan, Kementerian telah mengemukakan permohonan pemberian “Elaun Khas” kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Perbincangan masih lagi

berlangsung antara JPA dengan kementerian, dan saya mengharapkan agar permohonan ini dapat diberi perhatian sepenuhnya dan dipertimbangkan.

- (iii) **Ketiga: Penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial.** Rang undang-undang ini amat besar maknanya kepada warga kerja JKM dalam mengangkat profesionalisme pekerja sosial di Malaysia. **Penggubalan Rang Undang-Undang ini masih di peringkat Jabatan Peguam Negara, dan Kementerian sangat berharap agar perkara ini dapat disegerakan supaya boleh dibentangkan di Dewan Rakyat nanti.**

(iv) **Keempat: Pemerksaan Penerima Bantuan melalui Pelaksanaan 1 Year Exit Program.** JKM sedang memperkukuhkan mekanisme pelaksanaan penerima bantuan untuk keluar daripada kepompong kemiskinan melalui **1 Year Exit Program.** Pada tahun ini, sejumlah **RM1 juta diperuntukkan dengan kuota seramai 300 peserta disasarkan untuk keluar sebagai penerima bantuan melalui program ini.**

(v) **Kelima: Bantuan Tanpa Tunai Kepada Penerima Bantuan.** Kementerian melalui JKM telah melaksanakan **Projek Rintis Bayaran Bantuan JKM Secara Tanpa Tunai kepada penerima bantuan JKM,** dengan kerjasama strategik Bank Islam Malaysia Berhad. Projek rintis ini **telah bermula pada 1 Februari 2021 sehingga 31 Julai 2021 dan melibatkan tiga (3) buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah**

**(PKMD) yang terpilih iaitu di Kubang Pasu, Kota Setar dan Melaka Tengah serta satu (1) buah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri iaitu Negeri Perlis. Insya-Allah, Projek Rintis ini akan diperluaskan ke seluruh negara pada masa akan datang.**

**(E) BELANJAWAN 2021**

YAB Tan Sri dan sidang hadirin...

**(15) Istilah “Kerajaan Prihatin” bukan hanya pada nama semata-mata tetapi ia dizahirkan menerusi kenaikan kadar bantuan yang diumumkan semasa Belanjawan 2021 pada 6 November yang lalu.**

(16) Ternyata, kenaikan bantuan ini amat dihargai oleh rakyat yang menerimanya seperti mana paparan video ini.

(VIDEO 2: DURASI 4:00 MINIT)

NOTA: VIDEO RAKYAT MENYATAKAN PENGHARGAAN DIMAINKAN

(17) Untuk makluman YAB Tan Sri, sehingga 31 Mac 2021, seramai 510 ribu orang penerima bantuan telah mendapat manfaat daripada kenaikan kadar pada masa ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion yang berkuatkuasa pada bulan Januari 2021 yang lalu.

**(F) KENAIKAN BANTUAN KOMUNITI**

(18) 75 tahun bukanlah satu tempoh yang singkat, malah tempoh ini menjadi satu perjalanan yang diukur akan kerelevanannya. JKM bukan hanya dikenali sebagai pemberi bantuan kepada individu dan keluarga tetapi juga membantu dalam pembangunan komuniti.

(19) Tidak cukup dengan kenaikan kadar bantuan bulanan, JKM turut menguruskan bantuan-bantuan komuniti yang telah diumumkan oleh Kerajaan. **Saya pada hari ini mewakili suara akar umbi di peringkat komuniti, ingin menzahirkan jutaan terima kasih buat YAB Tan Sri selaku Perdana Menteri atas kenaikan bantuan komuniti berikut:**



- i. **Pertama :KENAIKAN ELAUN PETUGAS DAN PENYELIA DI PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI** yang kali terakhir dikaji pada Tahun 2008 dinaikkan daripada RM800 kepada RM1200 sebulan manakala **ELAUN PENYELIA** dinaikkan daripada RM1200 kepada RM1500 sebulan. Kenaikan ini memanfaatkan 3,500 petugas dan penyelia PDK seluruh negara.
  
- ii. **Kedua: Kenaikan bantuan kewangan tahunan bagi PENGENDALIAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS** yang dikendalikan oleh NGO daripada 33,000 ringgit kepada 50,000 ringgit. Kenaikan ini memanfaatkan kepada 143 Buah Pusat Aktiviti Warga Emas di seluruh negara dan 47,000 ahli PAWE.

iii. **Ketiga:** Kenaikan nilai suguhati kepada sukarelawan di bawah Program Khidmat Bantu di Rumah **daripada RM150 kepada maksimum RM400** dan nilai suguhati kepada klien program **daripada RM30 kepada RM80.** Kenaikan ini **memanfaatkan lebih 2,000 sukarelawan dan lebih 8,000 warga emas dan OKU.**

(20) Dengan kenaikan-kenaikan ini, besarlah harapan saya agar komuniti dapat menjadi rakan strategik kepada JKM untuk terus berkhidmat kepada masyarakat yang memerlukan.

**(G) KEMBARA PRIHATIN NEGARA (KPN)**

(21) Menyedari kesukaran rakyat semasa berhadapan dengan pandemik COVID-19 ini, Kementerian mengambil pendekatan **melaksanakan Kembara Prihatin Negara yang berkonsepkan pendampingan sosial atau turun padang** bertemakan **Tautan Sepakat Membantu Rakyat**. Kembara Prihatin Negara ini telah bermula **pada 1 November 2021**.

(22) Sehingga 7 April 2021, sebanyak **1173 program** telah dilaksanakan di seluruh Malaysia melibatkan **174,766 klien, 202 NGO, 71 syarikat korporat dan 2308 sukarelawan**. Program ini memberi peluang kepada kerajaan dan pemimpin untuk **menyantuni semua lapisan masyarakat sama ada di bandar atau kawasan luar bandar di seluruh negara**.

(23) Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua rakan-rakan korporat yang **telah sudi menyumbang pelbagai bentuk bantuan seperti wang tunai, biasiswa, peralatan sokongan dan barangan makanan** kepada mereka yang memerlukan.

(24) Dalam menjayakan program Kembara Prihatin Negara, kementerian turut menubuhkan Skwad Prihatin Negara. Skwad Prihatin Negara turut dianggotai oleh warga kerja JKM, warga kerja kementerian, ahli Kelab Sukan dan Kebajikan, juga tidak tertinggal ahli-ahli Puspanita. Dengan penubuhan Skwad Prihatin Negara, **kerja yang berat sama dipikul, kerja yang ringan sama dijinjing. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.**

## **(H) PENUTUP DAN HARAPAN**

(25) Kepada seluruh warga kerja JKM, sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya amat memahami apa yang anda rasakan. Meskipun, **kalian berjuang dengan kekuatan anggota yang terhad, namun jangan mudah berputus asa dan patah semangat dalam melaksanakan kerja-kerja yang mulia ini.**

(26) Biar pun, **kita bukanlah hero yang selalu didendangkan,** namun **bukan bermakna kita dipinggirkan.** Saya percaya, YAB Tan Sri, Perdana Menteri hatta seluruh pimpinan tertinggi kerajaan sentiasa bersama-sama anda dalam menyempurnakan amanah rakyat ini.

(27) **Kepada rakan-rakan strategik JKM yang sudi hadir pada malam ini, terima kasih atas sokongan kalian selama ini.** Saya percaya dengan kolaborasi strategik yang telah kita jalinkan, **rezeki yang secupak menjadi segantang, hasil yang sedepa menjadi sehasta.** Itulah kepentingan **kerjasama dan semangat “Corporate Shared Value”** yang sama-sama kita perjuangkan.

(28) Akhirul kalam, terimalah serangkap pantun daripada saya;

**Malam Bulan Cahaya Terang,  
Kerdipan Bintang Nian Berseri;  
Jaket Oren Jasamu Dijulang,  
Teruskan Berbakti Menabur Budi,**

Sekian, Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakattuh.

**YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN  
MALAM APRESIASI SEMPENA 75 TAHUN JKM DAN PELANCARAN  
KEMBARA PRIHATIN  
11 APRIL 2021**